



**TRANSKRIP WAWANCARA ENCIK BAKRI BIN IBNI BEKAS PEMAIN BOLA SEPAK  
KEBANGSAAN TENTANG PENGALAMAN DAN PENGLIBATAN BELIAU DALAM  
BIDANG BOLA SEPAK MALAYSIA**

**OLEH**

**ABDUL WAFI BIN JAFFAR  
MUHAMMAD IZUDDIN BIN MANSOR**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS IMR 603 –  
DOKUMENTASI SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2012-JULAI 2012)**

## MUKA SURAT JUDUL

| BIL.   | PERKARA                                               | MUKA SURAT |
|--------|-------------------------------------------------------|------------|
|        | PENGHARGAAN                                           | 2          |
|        | ABSTRACT                                              | 3          |
| 1.0    | PENGENALAN                                            | 4          |
| 1.1    | ▪ Sejarah Bola Sepak                                  | 6          |
| 1.2    | ▪ Perkembangan Bola Sepak Di Malaysia                 | 8          |
| 1.3    | ▪ Era Pembaharuan Modenisasi Dan Profesionalism       | 9          |
| 1.4    | ▪ Struktur Organisasi Persatuan FAM                   | 10         |
| 1.5    | ▪ Peraturan Dan Undang-Undang Permainan               | 11         |
| 1.5.1  | ○ Undang-undang 1: Padang Permainan                   | 11         |
| 1.5.2  | ○ Undang-undang 2: Bola                               | 15         |
| 1.5.3  | ○ Undang-undang 3: Bilangan Pemain                    | 15         |
| 1.5.4  | ○ Undang-undang 4: Peralatan Pemain                   | 17         |
| 1.5.5  | ○ Undang-undang 5: Pengadil                           | 18         |
| 1.5.6  | ○ Undang-undang 6: Pembantu Pengadil/ Penjaga Garisan | 20         |
| 1.5.7  | ○ Undang-undang 7: Tempoh Masa Perlawanan             | 20         |
| 1.5.8  | ○ Undang-undang 8: Permulaan Perlawanan               | 21         |
| 1.5.9  | ○ Undang-undang 9: Bola Masuk dan Keluar              | 22         |
| 1.5.10 | ○ Undang-undang 10: Jaringan                          | 23         |
| 1.5.11 | ○ Undang-undang 11: Ofsaid                            | 24         |
| 1.5.12 | ○ Undang-undang 12: Kesalahan dan Kelakuan Buruk      | 24         |
| 1.5.13 | ○ Undang-undang 13: Tendangan Percuma                 | 25         |
| 1.5.14 | ○ Undang-undang 14: Sepakan Penalti                   | 26         |
| 1.5.15 | ○ Undang-undang 15: Balingan Masuk                    | 27         |
| 1.5.16 | ○ Undang-undang 16: Tendangan Gol                     | 27         |
| 1.5.17 | ○ Undang-undang 17: Tendangan Sudut                   | 28         |

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum ...

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, kami dapat menyiapkan tugas Sejarah Lisan (Documenting Oral Tradition) IMR 603 pada masa yang telah ditetapkan oleh pensyarah kami. Oleh yang demikian, walaupun banyak dugaan serta rintangan yang terpaksa kami hadapi, kami telah berjaya menghasilkan transkrip yang amat bermakna pada kami ini.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada Encik Bakri bin Ibni kerana sudi memberi kerjasama dengan sepenuhnya dan kesudian beliau untuk di temuramah oleh kami mengenai pengalaman, teknik, dan kemahiran beliau sebagai bekas pemain bola sepak kebangsaan.

Jutaan terima kasih juga ditujukan buat pensyarah kami yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan serta dorongan iaitu Puan Azura bte Abdul Jamil @ Kamarudzzaman kerana telah banyak membantu kami sepanjang kami menyiapkan tugas yang telah diberikan ini.

Selain itu, kami juga ingin berterima kasih kepada Yayasan Atlet Kebangsaan (YAKEB), kerana telah membantu memberi kami nombor untuk kami menghubungi Encik Bakri bin Ibni.

Tidak lupa juga buat keluarga kami yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk terus menimba ilmu di UiTM (Universiti Teknologi Mara) ini. Jutaan terima kasih juga diberikan kepada semua yang terlibat di dalam penghasilan transkrip yang amat bermakna buat kami ini.

Sekian, terima kasih.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK BAKRI BIN IBNI SELAKU BEKAS  
PEMAIN BOLA SEPAK KEBANGSAAN MENGENAI PENGLIBATAN &  
PENGALAMAN SEBAGAI BINTANG BOLA SEPAK NEGARA ERA 70AN DAN  
80AN

**Abstrak** : Transkrip ini merupakan transkrip temubual yang telah dijalankan pada 8 mei 2012 bersama dengan Encik Bakri bin Ibni selaku bekas pemain bola sepak kebangsaan. Wawancara ini telah di jalankan di Kediaman beliau di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor. Temubual ini telah dijalankan dengan tujuan pembelajaran bagi kursus IMR603, Sejarah Lisan. Dokumentasi ini mengandungi sedikit pengenalan berkenaan latar belakang Encik Bakri Bin Ibni. Selain daripada itu, transkrip ini juga mengandungi pengalaman, teknik, kemahiran dan pendapat beliau ketika melibatkan diri dalam bidang bola sepak ini dan juga sepanjang menceburkan diri di dalam arena bola sepak di Malaysia serta pengalaman berharga beliau semasa kelayakan Sukan Olimpik Moscow, 1980.

**Kata-Kunci:** Bola Sepak, Bakri Ibni, Teknik, Sukan Olimpik Moscow, Pengalaman, Malaysia.

## 1.0 PENGENALAN

Sejarah lisan adalah salah kaedah dimana sejarah atau pengalaman seseorang tokoh dirakamkan secara wawancara. Ciri-ciri tokoh yang di pilih terdiri daripada seseorang yang telah menyumbangkan sesuatu yang berharga kepada negara. Segala sumbangan dan pengalaman tokoh akan di kupas dan di ketahui maklumatnya ketika wawancara dilakukan. Maklumat yang di perolehi ketika wawancara akan dirakam, disalin, dan disemak. Maklumat yang telah di semak akan dapat digunakan sebagai bahan rujukan, penyelidikan dan pengajaran.

Selain itu, sejarah lisan juga boleh di jadikan sebagai salah satu bahan bukti sejarah dan rujukan. Kebiasaannya pengalaman dan sumbangan tokoh akan luput sebegitu sahaja kerana tidak ada sebarang maklumat di catat. Dengan hilangnya maklumat penting sebegini, akan menyebabkan kerugian yang besar kepada negara. Segala pengalaman dan sumbangan tokoh akan di persia sebegitu sahaja.

Seseorang yang boleh di jadikan sebagai tokoh tidak semestinya terdiri daripada orang yang ternama dan terkenal sahaja kerana pengalaman dan sumbangan merangkumi dari semua golongan tidak kira agama, bangsa dan negara. Dengan wujudnya Sejarah Lisan, ia boleh di jadikan sebagai medium untuk mengetengahkan maklumat yang di peroleh dari semua golongan masyarakat.

Kami memilih tokoh dalam sukan bola sepak sebagai sebagai topik dalam sejarah lisan kami. Ini kerana sukan bola sepak merupakan sukan yang paling terkenal dan digemari oleh ramai orang termasuklah diri kami sendiri.

Tokoh yang telah kami pilih dalam bidang ini adalah seorang yang sangat berpengalaman , berilmu dan banyak menyumbangkan jasa kepada negeri dan negara dalam bidang sukan bola sepak ini. Tokoh yang kami maksudkan adalah Encik Bakri bin Ibni, bekas pemain bola sepak kebangsaan di era 70an dan 80 an seangkatan dengan lagenda-lagenda bola sepak terkemuka di Negara ini seperti Mokhtar Dahari, Soh Cin Aun, R. Arumugam, Santokh Singh, Hassan Sani, serta James Wong.